

Kesesuaian *Maslahah* Sebagai Asas Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia

Mohd. Noor b. Deris

Abstract

Assimilation of Islamic values in Malaysia is a government project to implant universal values of Islamic teaching in the government administration. The aim of this article is to show that such a project is compatible with the Islamic principle of public interest or maslahah.

Pendahuluan

Dasar dan prinsip *maslahah* sebagaimana diuraikan dalam ilmu Usul al-Fiqh sangat sesuai digunakan dalam membentuk dasar penerapan nilai-nilai Islam (DPNI).

Mengikut pandangan Islam, tujuan disyariarkan hukum adalah untuk *maslahah* umum, iaitu kebahagiaan individu dan masyarakat, memelihara peraturan, memakmur dunia dengan sesuatu yang boleh membawa kebaikan dan kesempurnaan kemanusiaan dan untuk menjadikan dunia ini ladang bagi akhirat. *Maslahah* yang dituntut oleh syarak adalah untuk membangunkan kebaikan di dunia demi kehidupan yang abadi. *Maslahah* dunia adalah sesuatu yang berkaitan dengan kemajuan dan pembangunan kehidupan manusia serta kesempurnaan hidupnya.

Kesesuaian *Maslahah* Dalam Proses Penerapan Nilai- nilai Islam

Perlu dicatatkan di sini bahawa teks atau nas al-Qu’ran dan al-Sunnah yang

berkaitan dengan perkara-perkara perundangan sebenarnya terbatas dari segi jumlahnya sedangkan persoalan yang sentiasa timbul di dalam kehidupan manusia tidak terbatas.¹ Atas sebab ini pemakaian teori *al-masalih al-mursalah* amatlah diperlukan dalam menghadapi dan menyelesaikan isu-isu baru.

Kini dunia Islam sejagat telah bangun semula, didorong oleh satu kesedaran baru tentang keunggulan undang-undang Islam dan kemurnian Islam serta peranan yang boleh dan patut dimainkannya dalam hal ehwal negara dan peribadi.

Kesedaran baru ini juga dirasai di Malaysia. Dalam keadaan ini penglibatan Raja-raja, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam hal ini dapat dilihat melalui aktiviti dan program penting yang dikelolakan undang-undang mahkamah Syariah, pembinaan masjid dan surau, pungutan dan pengurusan fitrah dan Baitulmal. Sehubungan dengan ini usaha-usaha baru telah diambil, antaranya penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Syarikat Takaful, Lembaga Urusan Tabung Haji, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan lain-lain lagi. Semuanya ini selaras dengan DPNI dan proses Islamisasi di Malaysia.

Proses Islamisasi yang berlaku ini diharapkan lebih progresif, dinamik, realistik lagi di masa-masa akan datang dalam perkembangan Islam tempatan untuk direalisasikan dalam masyarakat dan negara secara lebih efektif dan tuntas. Para ulama tempatan juga diharap dapat menghasilkan kemampuan berijtihad dan bertindak yang sesuai untuk diaplikasikan dalam semua bidang kehidupan harian umat Islam di Malaysia khususnya pada zaman kecanggihan mengejar Wawasan 2020. Untuk sampai ke matlamat ini pemakaian teori-teori *al-masalih al-mursalah* sama sekali tidak boleh diabaikan. Pengabaian terhadap prinsip *al-masalih al-mursalah*, akan menyebabkan DPNI pasti tidak akan berjalan lancar seperti yang diharapkan.

Apa yang penting di sini bahawa pemakaian teori *al-masalih al-mursalah* adalah terlaksana dengan wajar. Inilah landasan ijtihad yang dilalui oleh para ulama terdahulu, termasuk dari mazhab Syafi'i. Di samping *usul al-Syafi'i* sendiri tidak menolak proses fatwa dan perhukuman seperti itu. Ia adalah suatu kaedah dalam pemakaian *al-qiyas* sebagai satu sumber hukum yang diterima dalam mazhab berkenaan, di samping pemakaian konsep *sadd al-dhari'i* yang berkait rapat dengan *al-masalih al-mursalah*.²

Ulama Malaysia di dalam memainkan peranan mereka sebagai *warathah al-anbiya'* yang dipertanggungjawabkan membimbang masyarakat sewajarnya tampil ke hadapan berijtihad mengawasi dan bertindak secara bersungguh-sungguh menghayati *Syari'ah Islamiyyah* dalam setiap bidang kehidupan dari hal-hal pentadbiran kerajaan hingga hal amalan kerja harian segenap lapisan rakyat. Kegiatan sebegini bukan sesuatu yang baru, bahkan suatu praktik yang konsisten yang dilakukan oleh para ahli Fiqh di dalam menangani persoalan baru di sekeliling mereka.

Penulis bersetuju dengan pendapat Prof. Madya Dr. Mahmood Zuhdi bahawa meskipun nas tidak banyak membantu fatwa pemungutan zakat gaji dan pendapatan profesional tanpa tertakluk kepada syarat haul berdasarkan teori *al-mal al-mustafad*, namun *maslahah* atau kepentingan semasa masyarakat menyokong kuat fatwa yang

niya as.¹ am aru ng ja- ui h, ul. in in ni k k a c i c i sedemikian. Menurut beliau penggunaan konsep *maslahah* adalah sesuai dan tidak bertentangan dengan kaedah pembinaan hukum Islam yang diterima umum. Meskipun *maslahah* merupakan sumber subsidiari dalam perundangan Islam namun ia boleh dipegang dalam keadaan tiada panduan jelas daripada nas.³ Menurut beliau lagi menerima Mazhab Syafi'i sebagai asas hukum sebagai yang ditetapkan di Malaysia sekarang seharusnya bererti menerima mazhab Syafi'i itu pada keseluruhannya dan jangan bererti menerima hanya tafsiran segolongan ulama muta'akhirin sahaja dalam mazhab tersebut.⁴

Pihak *umara'* (kerajaan) dan juga rakyat Malaysia sewajarnya meyakini dan seterusnya bekerjasama secara serius dengan ulama Islam serta memberi laluan kepada mereka melaksanakan sistem perundangan Islam yang memang terjamin *maslahah* kepada masyarakat. Jabatan Hal Ehwal Agama, Majlis Agama, Mahkamah Syariah, Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat, dan sebagainya, masing-masing sewajarnya memainkan peranan dalam meminda dan membuat rang undang-undang dari Akta sehinggalah peraturan-peraturan kecil selaras dengan kaedah perundangan Islam.

Pokoknya apa-apa sahaja, termasuklah undang-undang kontrak dan mu'amalah dalam dunia korporat yang sangat popular hari ini yang boleh memudaratkan kepentingan umat Islam dan peraturan umum hendaklah disekat. Sebaliknya apa-apa sahaja termasuklah peraturan lalu lintas di jalanraya yang boleh mendatangkan manfa'at kepada masyarakat hendaklah dibuat. Maksud kepentingan seperti yang disebut di atas mestilah *al-masalih al-mursalah* mengikut kaedah ilmu Usul al-Fiqh. Kepentingan-kepentingan nafsu, yang tidak cukup syarat hendaklah dihindarkan kerana ia boleh menyebabkan undang-undang Islam dipertikai dan tidak mendapat kepercayaan masyarakat.⁵ Dan kepentingan seperti inilah yang ditentang oleh banyak pihak termasuklah al-Imam al-Syafi'i dan ulama mazhabnya yang terkandung di dalam teori *al-istihsan*.

Asas Pemakaian Teori Maslahah

- DPNI di Malaysia adalah sebahagian daripada pelbagai usaha Kerajaan untuk memasukkan roh Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat Malaysia. Rasional Kerajaan memberi perhatian kepada hal ini ialah untuk memelihara kepentingan beragama yang disifatkan sebagai *maslahah daruriyyah*. Kehidupan manusia tidak dapat dipisah daripada kepentingan beragama. Andainya ketidaaan agama, maka rosaklah kehidupan hilanglah keni'matannya serta akan ditimpah kesengsaraan.⁶

Agama adalah kemuncak kepentingan manusia. Dengan agama manusia dapat membezakan dari segala jenis hidupan yang lain, kerana beragama adalah keistimewaan manusia. Oleh itu setiap orang mestilah menyelamatkan agamanya dari setiap ancaman. Islam meletakkan ancaman agama sebagai lebih besar daripada pembunuhan. Allah telah berfirman:

“... *Dan fitnah itu (merosakkan agama) lebih jahat daripada pembunuhan...*”⁷

Dengan kenyataan ringkas ini dapatlah disimpulkan bahawa proses penerapan nilai-nilai Islam adalah berdasarkan *maslahah* agama. Oleh itu dalam mencapai objektif suci ini strategi pelaksanaan harus diatur dengan rapi dalam ibadat, mua'malat, munakahat dan jinayat. Seandainya strategi itu tidak dilaksanakan dengan rapi dan teliti, mengikut kaedah Islam, maka masyarakat tidak akan selamat dari kepincangan, malah terdedah kepada berbagai kemungkinan buruk.

2. *Maslahah* penjagaan nyawa juga adalah menjadi asas kepada DPNI. Ini ialah kerana nyawa merupakan hak manusia yang paling murni dan merupakan kewajipan yang utama mesti dikawal sebagai tempat kedua pentingnya selepas agama. Kehidupan manusia tidak akan maju tanpa ketetapan hukum dan peraturan yang menjamin nyawa. Oleh hal yang demikian masyarakat Malaysia sama seperti lain-lain masyarakat di dunia perlu diterapkan nilai-nilai hukum dan peraturan Islam yang bersangkutan dengan hal-hal kepentingan nyawa. Sebagai contoh seperti makan minum, tidur, pakai, tempat tinggal dan sebagainya mestilah diatur dengan baik. Pengabaian terhadap hal-hal itu adalah menjadi ancaman kepada nyawa manusia itu sendiri.

Dari satu segi yang lain Islam telah mengharamkan pembunuhan samada orang lain atau dirinya sendiri serta mewajibkan *qisas*, *diyat* dan *kaffarar*⁸ ke atas penceroboh terhadap seseorang. Undang-undang *qisas* adalah mustahak (*daruriyyah*) untuk menjaga kepentingan (*maslahah*) hidup.

Tanpa peraturan-peraturan ini keselamatan jiwa tidak terjamin. Allah telah berfirman:

*"Dan tentang qisas itu adalah keselamatan nyawa bagi kamu wahai orang-orang yang mempunyaifikiran, supaya kamu terpelihara daripada keburukan (bertaqwa)"*⁹

Dalam konteks negara kita Malaysia undang-undang ini masih lagi tidak dikuatkuasakan. Oleh itu tidak hairanlah jenayah bunuh dan pencerobohan berada dalam kadar yang agak menggerunkan. Kesempatan dalam rancangan DPNI ini eloklah jika pihak-pihak yang bertanggungjawab berusaha dengan serius mengatur strategi pelaksanaannya demi sampai kepada objektif yang murni ini dan sememangnya menjadi cita-cita setiap rakyat.

3. Di antara *maslahah* yang boleh dijadikan asas dalam DPNI ialah memelihara kepintaran akal dari serangan penyakit yang merusakkannya, tanpa penjagaan ini akan menjadi beban kepada masyarakat dengan timbulnya perkara-perkara yang tidak diingini dan kecelakaan kepada manusia. Akal adalah sebahagian daripada diri manusia; baik akal baiklah manusia. Setiap yang bermanfa'at kepada akal bererti berfaedahlah kepada manusia itu sendiri.

Islam mengharamkan setiap perkara yang boleh memabukkan atau menjegas ketajaman akal. Rasulullah telah bersabda:

*"Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap arak adalah haram"*¹⁰

Dengan ini jelaslah bahawa setiap perkara yang memabukkan walau digelar dengan apa nama sekalipun, samada istilah baru atau lama, termasuklah yang hangat diperkatakan sekarang iaitu najis dadah. Hanya dengan terlaksananya hukum ini dan menguatkuasakan undang-undang kesiksaan mengenainya menurut *hudud* Islam barulah dapat menjamin terpeliharanya kewibawaan dan kesempurnaan 'akal fikiran'.¹¹

herapan
encapai
a'malat,
'api dan
cangan,

ui ialah
'ajipan
gama.
yang
lain-
yang
akan
baik.
itu

ang
boh
tuk

er-

ng
9
uk
la
ii
r
1

4. Di antara *maslahah* yang menjadi asas kepada DPNI ini juga ialah memelihara keturunan manusia. Untuk menjamin tercapainya matlamat kepentingan hidupan manusia yang tidak mengira apa kaum atau bangsa dan tidak juga terbatas dengan sempadan negeri, negara atau benua, Islam memperuntukkan undang-undang keluarga, seperti perkahwinan, *hadanah* (penjagaan anak), nafkah dan sebagainya. Di samping itu perlulah diluluskan beberapa undang-undang seperti pengharaman zina dan menghampirinya serta mewajibkan *hadd* ke atas pelakunya. Ini semua adalah demi kepentingan generasi manusia.

5. Adalah menjadi asas kepada DPNI untuk menjamin *maslahah* harta benda. Hak manusia terhadap harta benda dan hak menikmati hasil-hasil hak miliknya adalah tidak terlepas dari kehidupan manusia di dunia ini termasuk Malaysia. Oleh itu setiap kita termasuk kerajaan tidak harus memandang ringan terhadap kepentingan harta. Sesungguhnya Islam mengajar banyak hukum mengenai kepentingan harta dari kedua-dua sudut, positif dan negatifnya.

Dari sudut positifnya Islam mengarahkan umatnya supaya berusaha dengan tekun menyuburkan hartanya. Allah berfirman:

*"Lantas apabila selesai sembahyang, maka hendaklah kamu bertaburan di bumi dan carilah kurnia Allah dan sebutlah (ingatlah) Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu mendapat kejayaan"*¹²

Firman-Nya lagi:

*"Ia (Allah) yang menjadikan bumi mudah digunakan untuk kamu. Maka berjalanlah di atas belikat-belikatnya dan makanlah rezekinya dan kepadaNyalah tempat kembali"*¹³

Oleh itu Islam menghalalkan jualbeli, sewa menyewa dan sebagainya, tanpa usaha-usaha ini tidak mungkin mendapat harta dan membiaknya. Di samping itu dari segi negatifnya pula Islam mengharamkan riba, menipu, mencuri dan sebagainya serta menetapkan hukum potong tangan ke atas pencuri dan mewajibkan gantirugi sesuatu yang dirampas dan lain-lain lagi.¹⁴ Allah berfirman:

*"... Dan Allah halalkan perdagangan dan haramkan riba"*¹⁵

Firman-Nya lagi:

*"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri itu hendaklah kamu potong tangan-tangan mereka sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan, sebagaimana contoh yang menakutkan dari Allah, dan adalah Allah itu Mahakuasa, Bijaksana"*¹⁶

Menyedari hakikat inilah Kerajaan Malaysia hari ini cuba untuk membanteraskan masalah riba. Di antara usaha-usaha ke arah inilah makanya lahir Bank Islam, Syarikat Takaful, Tabung Haji, Baitulmal, Skim Pinjaman Tanpa Faedah, Skim Pembentukan Perumahan Islam dan sebagainya.

Ini tidaklah bererti rakyat Malaysia harus berpuas hati dengan keadaan yang ada. Kerana unsur-unsur negatif dalam hal ekonomi sekarang sebenarnya masih lemas dalam asap-asap riba, penipuan, rasuah, spekulasi dan berbagai-bagi lagi yang menjadi kuman untuk merebak dan mencabar kepentingan harta. Oleh hal yang demikian usaha-usaha dalam proses Islamisasi dan Islahisasi hendaklah ditingkat dan diperhebatkan lagi.

4. Kesimpulan

Dari perbincangan di atas penulis dapat membuat kesimpulan:

1. Dasar penerapan nilai-nilai Islam (DPNI) adalah serasi dengan cita-cita murni seluruh rakyat Malaysia sebagai negara berwawasan.
2. Demi mencapai matlamat dan objektif-objektif DPNI, pemakaian teori *maslahah* sama sekali tidak boleh diabaikan.
3. Paling minima, ada lima asas *maslahah* yang mesti diambil kira; agama, jiwa raga, akal fikiran, keturunan bangsa dan harta benda.

NOTA KAKI

1. Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Reformasi Perundangan Islam Di Malaysia Antara Impian Dan Realiti", *Jurnal Syariah*, Jil. 2, bil. 1, Januari 1994, h. 53.
2. Untuk keterangan lanjut, lihat Mohd. Noor Deris, "Pemakaian Teori *Al-masalih Al-Mursalah* Dari Perspektif Mazhab Syafi'i," *Jurnal Syariah*, jil. 2, bil. 2, Julai 1994, hh. 10-14.
3. Prof. Madya Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, "Zakat Gaji Dan Pendapatan Profesional," *Jurnal Syariah*, jil. 1, bil. 1, Januari 1993, h. 39.
4. Prof. Madya Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, "Zakat Gaji Dan Pendapatan Profesional Dari Perspektif Mazhab Syafi'i," *Jurnal Syariah*, jil. 1, bil. 2, Julai 1993, h. 276.
5. Syarat-syarat pemakaian *al-masalih al-mursalah* mengikut kaedah perundangan Islam telah kita bincangkan pada keluaran yang lalu. Lihat, Mohd. Noor bin Deris, "Kekaburan Tentang Konsep Maslahah Dalam Perundangan" *Jurnal Syariah*, jil. 1, bil. 1, Januari 1993, hh. 104-112.
6. Lihat Mohd. Noor b. Deris, *al-Masalih al-Mursalah Dalam Perundangan Islam Dan Pelaksanaannya Di Kelantan*, Disertasi Sarjana Sastera, UM, Kuala Lumpur, 1985, h. 39.
7. Al-Qur'an, *al-Baqarah*, (191).
8. *Qisas* ertiinya bunuh balas. *Diyat* ertiinya ganti rugi. Dan *Kaffarat* ertiinya denda.
9. Lihat tafsir ayat 179, surah *al-Baqarah*.
10. Hadith Muslim daripada Ibn 'Umar (r. 'a.).
11. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat al-Kahlani, Muhammad b. Ismail, *Subul al-Salam*, Kaherah, 1960M, Juz. 4, hh. 28-37.
12. Lihat al-Qur'an, *al-Jumu'ah*, (10).
13. *Ibid*, *al-Mulk*, (15).
14. Lihat Dr. Mohd. al-Sa'id, *Buhuth Fi al-Adilah al-Mukhtalaf Fiha 'Ind al-Usuliyah*, Kaherah, 1977-1978 M., h. 90.
15. Lihat, al-Qur'an, *al-Baqarah*, (275).
16. *Ibid*, *al-Maidah*, (38).